



Edisi 20 September 2025



**Uitm Pemacu  
Transformasi**

**Penghargaan  
Buat Alumni**

**Impian Murni  
Pereka Fesyen**

# HOT SEAT : PENGHARGAAN BUAT ALUMNI



oleh : Amni Harith Badrul Hisyam

Universiti Teknologi MARA (UiTM) telah melangkah ke hadapan dalam memperkukuh hubungan dengan para alumninya, terutamanya melalui inisiatif istimewa yang dikenali sebagai Alumni Hot Seat.

Menurut Puan Hajah Nuriah binti Mohammad Ali, Pengarah Bahagian Pembangunan Strategik dan Sumber Manusia, Jabatan Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni, program ini bertujuan untuk menghargai dan menyantuni alumni daripada pelbagai era, termasuk lepasan Maktab Mara, Dewan Latihan Rida, dan ITM.

Alumni Hot Seat adalah satu inisiatif yang diwujudkan khas bagi menyediakan tempat duduk istimewa kepada alumni yang hadir ke majlis konvokesyen untuk meraikan ahli keluarga mereka yang bergraduasi.

Inisiatif ini bermula pada tahun 2022, dan maklumat alumni dikesan melalui sistem

pendaftaran dalam talian sewaktu graduan mengesahkan kehadiran mereka.

Menurut beliau, maklum balas yang diterima daripada alumni sangat positif, di mana mereka berasa dihargai dan disantuni apabila kembali ke alma mater mereka. Inisiatif ini juga berfungsi untuk mengumpul data alumni lama dan dana melalui Tabung Alumni Prihatin.

Kedudukan Alumni Hot Seat diatur dengan teliti di sebelah kiri dewan, manakala tempat duduk VIP berada di sebelah kanan.

Meskipun tiada had kapasiti yang ketat, jumlah kerusi yang disediakan disesuaikan mengikut jumlah pendaftaran bagi setiap sidang.

Visi Alumni UiTM, seperti yang dijelaskan olehnya adalah untuk menggalakkan alumni “giving



*Pengarah Bahagian Pembangunan Strategik dan Sumber Manusia,  
Jabatan Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni  
Puan Nuriah binti Mohammad Ali*

back to UiTM” dalam pelbagai bentuk, sama ada melalui kepakaran, kewangan, atau kemudahan.

Beliau berharap alumni akan melihat universiti sebagai tempat yang terbuka dan boleh dikunjungi pada bila-bila masa.

Untuk meneruskan legasi ini, UiTM bakal menganjurkan semula perhimpunan alumni pada November ini, tertakluk kepada kelulusan.

Beliau turut berkongsi, bahawa generasi bersilang, jadinya tempat duduk berganti, merujuk kepada bagaimana dahulu alumni berada di atas pentas manakala kini mereka menyaksikan anak-anak mereka berada di sana.

Beliau melihat alumni dan staf sebagai “duta kecil” yang berperanan untuk merapatkan hubungan dengan lebih baik lagi.



#### SIDANG REDAKSI JAWATANKUASA WARTA KONVO 102

**Penasihat**  
Prof. Dr Ismie Roha Mohamed Jais,  
Penolong Naib Canselor Komunikasi Strategik

**Penasihat Editorial**  
En Abuzar Abdul Halim,  
Ketua unit Perhubungan Awam dan Media

**Ketua Editor**  
En Ahmad Faisal Mohamed Fiah,  
Timbalan Dekan (HEP) Fakulti Komunikasi  
dan Pengajian Media

**Ketua Wartawan**  
Zaidatul Insyirah binti Suhaini

**Wartawan**  
Aidil Adha bin Abdullah  
Amni Harith bin Badrul Hisyam

**Pereka Grafik**  
Muhammad Sahil bin Sulaiman  
Ezureen Natasya binti Kahar Jaafar

**Fotografi**  
Pejabat Komunikasi Strategik

**Unit Perhubungan Awam dan Media**  
Pejabat Komunikasi Strategik

Hak cipta terpelihara. Diterbitkan oleh  
Pejabat Komunikasi Strategik UiTM  
Dan Fakulti Komunikasi Dan Pengajian  
Media UiTM